

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI BULAN MAC 2019



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2019

PERINGKAT KEBANGSAAN

‘LEAVING NO ONE BEHIND’

MENARIK DIDALAM :

**MEMORANDUM OF AGREEMENT (MOU) ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA DAN UNESCO**

**PENGAUDITAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
(EKSA)**

**PELANCARAN DUTA DEKAD MEMBACA
KEBANGSAAN 2020-2030**

**TAKLIMAT DAN LAWATAN OLEH MENTERI
KATS**



facebook.com/
Jabatan Pengairan dan
Saliran Malaysia - DID



twitter.com/
JPS Malaysia



instagram.com/
jpsmalaysia

SISPAK SISTEM ADUAN AWAM

<http://water.spab.gov.my>

W W W . W A T E R . G O V . M Y

ISI KANDUNGAN

menarik di dalam

03

Dari Tinta

04

*Sambutan Hari Air
Sedunia 2019
Peringkat Kebangsaan*

06

*- Bengkel Inovasi di Zoo Negara
- Kursus kepada Urusetia dan Setiausaha
- AGM KESSO*

07

Technical Talk

08

*- Bengkel Dry-Run
- Lawatan Ke NMTM*

09

*- Program Kesedaran
(SPMRABN)
- Taklimat dan Lawatan YBM*

10

*- Program Lawatan Inovasi
- Seminar Wake Up Call*

12

*- Penyambungan Kontrak
antara Kerajaan Malaysia
dan UNESCO*

13

*- Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor
Awam (EKSA) oleh
pihak MAMPU*

14

*- Pelancaran Duta Dekad
Membaca Kebangsaan
2020-2030*

15

*Sudut
Hebahan
& Integriti*



'perancangan mapan dari pihak kerajaan dan kerjasama semua pemegang taruh adalah penting bagi memastikan sumber air di Malaysia dapat memberikan akses kepada air bersih pada tahun 2030'

Dari Tinta

KETUA EDITOR

Edisi Bulan Mac 2019 menerbitkan pelbagai aktiviti-aktiviti serta program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia. Bulan Mac juga merupakan bulan yang penting bagi sambutan hari Air Sedunia yang bertujuan memberikan perhatian serta menyedari kepentingan air kepada penduduk sejangkit.

Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1993 bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan membaharui tekad semua lapisan rakyat di dunia untuk menangani isu-isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia.

Pada tahun ini, sambutan Hari Air Sedunia yang bertemakan "Leaving No One Behind" telah disambut di 'Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda, Kedah' merupakan anjuran bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan juga Kerajaan Negeri. Pelbagai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang sambutan Hari Air Sedunia iaitu pertandingan perahu naga, Fun Run, Pertandingan Mewarna, Anugerah Tesis Terbaik dan lain-lain.

Justeru, buletin JPS Updates bagi bulan Mac 2019 juga menyediakan maklumat-maklumat informatif lain khas untuk pembaca semua. Selain dari menjadi wadah penyampaian maklumat, buletin ini turut merakamkan aktiviti-aktiviti penting Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia mengikut peristiwa yang berlaku pada setiap bulan untuk perkongsian bersama.

Akhir kata, perancangan mapan dari pihak kerajaan dan kerjasama semua pemegang taruh adalah penting bagi memastikan sumber air di Malaysia memberi akses kepada air bersih pada tahun 2030 serta menjadikan air sebagai isu utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar.

Hj. Mat Supri B. Kasa
Pengarah Korporat, JPS Malaysia

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBrs. IR. HJ. ABDULLAH B. ISNIN

PENYELARAS

YBhg. DATO' IR. HJ. MOHD AZMI B. ISMAIL

KETUA EDITOR

HJ. MAT SUPRI BIN KASA

EDITOR

NORAZIZAH BINTI ABDUL KADIR

PENOLONG EDITOR

NADIAH BT. ABD. KADIR
MOHAMAD YASSIN BIN SALIKAN
INTAN SURAYA BINTI AYOB
MOHD. FIRDAUS B. MOKHTAR





Sambutan Hari Air Sedunia 2019 Peringkat Kebangsaan

‘LEAVING NO ONE BEHIND’

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Sambutan Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac setiap tahun adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1993. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan membaharui tekad semua lapisan rakyat di dunia untuk menangani isu-isu berkaitan air melalui pelan strategik dan pelaksanaan tindakan oleh setiap negara di seluruh dunia. Bagi menguruskan bekalan air yang baik, maka keseimbangan bekalan dan permintaan pengguna perlu diberikan perhatian yang saksama selaras dengan tema sambutan pada tahun ini ialah *“Leaving No One Behind”*.

Sambutan Hari Air Sedunia ini adalah untuk memenuhi sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) yang dilancarkan pada 2015 oleh United Nation, iaitu bagi memastikan setiap individu mempunyai akses kepada air bersih pada tahun 2030, menjadikan air sebagai isu utama dalam usaha untuk membasmi kemiskinan tegar.



Aktiviti-Aktiviti yang telah dilaksanakan



Pameran Kebangsaan



Pameran Kebangsaan



Pertandingan Perahu Naga



Pertandingan Tangkap Itik



Fun Run



Pertandingan Mewarna

Anugerah Yang Diperoleh



Anugerah Tesis Terbaik
Kepada Siswazah Institut
Pengajian Tinggi

Anugerah Khas
Sumber Air kepada
Komuniti



BENGKEL INOVASI BAHAGIAN BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR DI ZOO NEGARA

OLEH: BAHAGIAN BANGUNAN INFRASTRUKTUR



Buat julung kalinya Bahagian Bangunan dan Infrastruktur (BBI), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah berjaya mengadakan Bengkel Inovasi BBI Tahun 2019 bertempat di Giant Panda Convention Centre, Zoo Negara.

Penekanan bengkel ini adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan Inisiatif Inovasi sebagaimana dalam sasaran Pelan Tindakan Inovasi (PTI) JPS 2019. Bengkel ini dirasmikan oleh Tuan Ir. Hj. Shukri bin Muslim selaku Pengarah Bahagian.

Selain daripada itu, tujuan BBI mengadakan bengkel ini di Zoo Negara adalah sebagai pendedahan kepada warga BBI berkenaan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh bahagian ini di Zoo Negara.

KURSUS HANDS-ON KEPADA URUSETIA DAN SETIAUSAHA JAWATANKUASA SPESIFIKASI MODUL SEBUTHARGA/TENDER BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI IBUPEJABAT JPS MALAYSIA TAHUN 2019.

OLEH: BAHAGIAN BANGUNAN INFRASTRUKTUR

Pada 25 hingga 26 Mac 2019, seramai 30 orang peserta telah menghadiri kursus hands-on bagi spesifikasi modul sebutharga/tender bekalan dan perkhidmatan bagi ibupejabat jps malaysia tahun 2019. Tujuan kursus tersebut adalah memberi pendedahan kepada semua urusetia dan setiausaha bagi Jawatankuasa Spesifikasi yang terlibat secara langsung dalam menguruskan Sebutharga dan Tender JPS Ibupejabat melalui Sistem ePerolehan.



ANNUAL GRAND MEETING (AGM) KE-42 KESSO TAHUN 2019

OLEH: AJK KESSO

Pada 19 Mac 2019, satu mesyuarat agung tahunan KESSO ke 42 telah diadakan di Dewan Auditorium JPS Ampang. Antara perkara mesyuarat adalah :

1. Persembahan montaj bagi aktiviti-aktiviti KESSO sepanjang tahun 2018
2. Penyampaian sijil dan cenderahati kepada AJK dan wakil Bahagian sesi 2017/2019
3. Taklimat 'Insurans Berkelompok Takaful'
4. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Pengurusan KESSO Tahunan 2017 – 2018
5. Pembentangan Penyata Kira-Kira berakhir 31hb Disember 2018
6. Pembantangan usul : KESSO dicadangkan mengadakan aktiviti seperti Hari Keluarga dan sebagainya
7. Pembubaran AJK Pengurusan KESSO tahun 2017-2019
8. Pemilihan AJK Pengurusan KESSO tahun 2019-2021

Technical Talk

Daripada : Bahagian Pengurusan Banjir



Sismat Brand - Water, Wastewater & Sludge Treatment Equipment

Pada 01 Mac 2019 lalu, Bahagian Pengurusan Banjir telah menganjurkan satu taklimat teknikal berkenaan *Sismat Brand - Water, Wastewater & Sludge Treatment Equipment* yang dibentangkan oleh Syarikat Usaha Pammek Sdn. Bhd. dari Ipoh, Perak.

Taklimat ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan berkenaan sistem yang digunakan oleh syarikat ini berkenaan Water, Wastewater & Sludge Treatment Equipment. Syarikat ini juga ingin memperkenalkan peralatan baru yang digunakan bagi loji rawatan air sisa yang dikenali sebagai SISMAT.



Betoflor Retaining Wall System

Pada 01 Mac 2019 lalu, Bahagian Pengurusan Banjir telah menganjurkan satu taklimat teknikal bertajuk *Betoflor Retaining Wall System* yang disampaikan oleh Syarikat Modern Plaza Sdn Bhd dari Johor Bahru.

Betoflor adalah satu sistem dinding yang dipatenkan secara global yang dibangunkan di lanskap-lanskap yang berbeza di Eropah dan Asia oleh Betoconcept.

Untuk dinding penahan, Betoflor yang dipatenkan di dalam sistem binaan mempunyai kelebihan yang berbeza iaitu :

- pencegahan anjakan menegak dan mendatar.
- pembinaan cepat dan mudah.
- penjajaran mudah.
- kos efektif.
- Meningkatkan nilai hartanah



Introduce System And Water Gauging (Early Flood Warning & Decision Making Support System)

Pada 01 Mac 2019 lalu, Bahagian Pengurusan Banjir telah menganjurkan satu taklimat teknikal bertajuk *Introduce System And Water Gauging (Early Flood Warning & Decision Making Support System)* yang disampaikan oleh Syarikat TCK e-Solutions Sdn Bhd dari Ampang, Selangor.

Taklimat tekniknikal ini bertujuan untuk memperkenalkan Sistem dan Pengukuran Air (Peringatan Awal Banjir & Sistem Sokongan Membuat Keputusan) sekiranya berlaku banjir.

BENGKEL DRY-RUN JPS@KOMUNITI MENGGUNAKAN SISTEM ARCGIS ONLINE BERSAMA JURUTERA DAERAH

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI



JPS@Komuniti merupakan pendekatan sub-lembangan yang sistematik dan bersepadu untuk mengurus 7 isu berkaitan fungsi JPS di dalam daerah secara terancang, mesra komuniti dan berkesan di bawah kepimpinan Jurutera Daerah dengan menerima sokongan penuh dari JPS Negeri dan JPS Malaysia. Pendekatan JPS@Komuniti ini direkabentuk secara sistematik dengan menggunakan kaedah pengurusan 'D.E.E.P' (Describe, Explain, Evaluate, Prescribe) di dalam mengurus tadbir isu-isu berkaitan sumber air di sub-lembangan dalam daerah berkaitan.

Tujuan bengkel ini adalah untuk menguji tahap kesiediaan Sistem ArcGIS Online di dalam persekitaran sebenar serta memberi ruang dan peluang kepada 'end-user' (Jurutera Daerah) untuk mengulas dan memberi cadangan untuk penambahbaikan system yang dibangunkan sebelum dilancarkan penggunaannya. Bengkel ini melibatkan lima (5) Jurutera Daerah yang terpilih iaitu wakil Jurutera Daerah bagi Negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Faedah Bengkel :

- 1) Jurutera Daerah dapat mempelajari cara pelaksanaan dan pengendalian JPS@Komuniti menggunakan Sistem ArcGIS Online dalam mengurus masalah atau isu yang timbul di daerah masing-masing.
- 2) Jurutera Daerah dapat mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap system yang dibangunkan.
- 3) Sistem yang dibangunkan mempunyai nilai tambah dalam pelaksanaan kerja seharian.

LAWATAN KE NATIONAL METROLOGY INSTITUTE OF MALAYSIA (NMIM)

OLEH: BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI



Program Lawatan ke National Metrology Institute Of Malaysia (NMIM) yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, JPS, Malaysia telah diadakan pada 4 Mac telah disambut oleh Dr. Osman Zakaria, Pengarah Kanan NMIM. NMIM adalah satu agensi yang melaksanakan perundangan berkaitan pengukuran serta bertanggungjawab dalam membangunkan infrastruktur untuk standard pengukuran bagi menyokong pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat mengenai kaedah ujian dan kalibrasi peralatan, standard dan persijilan akreditasi yang berkaitan dengan pengukuran. Lawatan ini juga akan memberi faedah kepada Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, dalam memperkasa prosedur kerja dan mempertingkatkan standard pengukuran selaku jabatan yang dipertanggungjawabkan dalam mencerap data-data hidrologi seluruh negara bagi tujuan ramalan dan pembangunan negara.



PROGRAM KESEDARAN SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA (SPMRABN) FASA 1

DARIPADA : BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



Program Kesedaran bagi Sistem Pengurusan Maklumat Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (SPMRABN) Fasa 1 diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pengguna sistem di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan agensi-agensi yang bertindak sebagai penerima amaran serta pelaksana di dalam pemakluman amaran banjir negara. Faedah yang diperolehi daripada Program Kesedaran SPMRABN ini ialah ia dapat meningkatkan pengetahuan para peserta yang hadir mengenai fungsi-fungsi bagi setiap modul yang terdapat di dalam sistem utama ini. Para peserta juga dapat memahami tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mereka berdasarkan peringkat capaian yang telah ditetapkan di dalam sistem.

TAKLIMAT DAN LAWATAN YB DR. XAVIER JAYAKUMAR, MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU SUNGAI LINGGI FASA 4, NEGERI SEMBILAN

DARIPADA : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR



Negara kita tidak terkecuali berdepan dengan bencana alam seperti banjir. Pihak kerajaan memandang serius terhadap masalah ini kerana ia boleh menyebabkan kemusnahan harta benda yang besar serta kematian. Justeru itu, YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah membuat lawatan kerja pada 31 Mac 2019 di Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 4 bertempat di Pejabat Tapak Projek PLSB Sungai Linggi Fasa 4, Rantau Eco Park, Negeri Sembilan. Turut mengiringi lawatan beliau ke projek tersebut Yang Berbahagia Ir. Haji Abdullah Bin Isnin, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dan YBhg. Dato'. Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir.

Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk memantau pelaksanaan projek PLSB Sungai Linggi Fasa 4, perkembangan isu-isu terkini permasalahan banjir dan pengurusan sungai di Negeri Sembilan.

Bersempena dengan lawatan itu juga, satu taklimat khusus berkaitan perkembangan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Linggi Fasa 4 telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan, Ir. Rozman bin Mohamad.

Adalah diharapkan dengan terlaksananya projek PLSB Sungai Linggi Fasa 4 masalah banjir sepertimana yang berlaku pada tahun 1999, 2000, 2011, 2012 dan 2016 yang melibatkan kawasan di pekan Linggi, Pekan Rantau Kg Mantau, Mambau dan Kg. Kuala Sawah dapat di atasi ke tahap yang minima.



PROGRAM LAWATAN INOVASI BPMI BIL. 2/2019 KE MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2019 (ICW 2019) SEMPENA ASEAN SUPER 8

OLEH: BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Minggu Pembinaan Antarabangsa 2019 (ICW 2019) yang dianjurkan bermula pada 19 hingga 21 Mac 2019 telah diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) Jalan Duta, Kuala Lumpur. Acara ini merupakan gabungan lapan (8) kategori pameran iaitu :-

- i. Pameran Kejuruteraan Elektrikal dan Mekanikal ASEAN;
- ii. Pameran dan Persidangan Kebakaran dan Keselamatan Antarabangsa (IFSEC) Asia Tenggara;
- iii. Pameran dan Persidangan Industri Elektrikal dan Tenaga Perdana ASEAN (Tenaga Expo & Forum 2019);
- iv. Pameran dan Persidangan Solar ASEAN;
- v. Pameran dan Persidangan Lif ASEAN;
- vi. ASEAN Ecolight;
- vii. Ecobuild Asia Tenggara; dan
- viii. HeavyMach.

Mengambil peluang dan kesempatan ini, BPMI telah mengadakan satu Program Lawatan Inovasi BPMI Bil. 2/2019 ke Minggu Pembinaan Antarabangsa 2019 (ICW 2019) Sempena ASEAN Super 8 pada 20 Mac 2019 lalu melibatkan penyertaan seramai lima (5) orang pegawai dan kakitangan BPMI.



SEMINAR "WAKE-UP CALL" : AKAUNTABILITI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JPS MALAYSIA

DARIPADA : BAHAGIAN PERMODELAN MODAL INSAN

Seminar ini dilaksanakan susulan arahan Pengurusan Atasan Jabatan yang memandang serius teguran audit yang dikeluarkan oleh Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan juga Jabatan Audit Negara (JAN) berkenaan kelemahan di dalam pengurusan kewangan dan juga tatacara perolehan di kalangan pegawai JPS yang menguruskan Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pusat Kos.

Objektif utama seminar ini diadakan bagi memastikan pegawai JPS menjalankan tugas dengan penuh akauntabiliti di samping memantapkan tadbir urus di kalangan Jurutera Daerah, Jurutera Projek dan kepada semua warga Jurutera serta Penolong Jurutera secara amnya. Secara ringkasnya objektif seminar ini adalah seperti berikut :-

- i. Pemantapan akauntabiliti dan tadbir urus terbaik bagi Pengurus PTJ JPS;
- ii. Memberi kefahaman dan memperkasakan tatacara perolehan kerajaan berdasarkan Pekeliling/ Garis Panduan yang berkuatkuasa; dan
- iii. Perkongsian mengenai Case Study untuk memberi pendedahan dan gambaran sebenar berkenaan akauntabiliti dan tadbir urus terbaik.

setinggi-tinggi **Tahniah Diucapkan**



Setinggi-tinggi Ucapan Tahniah kepada

Yang Berusaha

Ir. Haji Abdullah Bin Isnin

Di atas Pelantikan sebagai

KETUA PENGARAH

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

Berkuatkuasa 25 Mac 2019





MAJLIS MENANDATANGANI PENYAMBUNGAN KONTRAK ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN UNESCO BERHUBUNG THE REGIONAL HUMID TROPICS HYDROLOGY AND WATER RESOURCES CENTRE FOR SOUTH-EAST ASIA AND THE PACIFIC (HUMID TROPICS CENTRE KUALA LUMPUR)

OLEH : HUMID TROPICS CENTRE



Pada 6 Mac 2019, telah berlangsung Majlis menandatangani penyambungan kontrak antara Kerajaan Malaysia dengan UNESCO berhubung The Regional Humid Tropics Hydrology and Water Resources Centre for South-East Asia and the Pacific (Humid Tropics Centre Kuala Lumpur) di Ibu Pejabat UNESCO, Paris, Perancis.

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh YB. Dr Xavier Jayakumar, Menteri dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Mr Firmin Edouard Matoko, *Assistant Director-General for Priority Africa and External Relations*, UNESCO.

Majlis ini juga telah dihadiri oleh YBrs. Dr. Anesee Ibrahim Wakil Tetap Malaysia, Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO Paris, H.E Ambassador Dato' Dr. Azfar Mohamad Mustafar, En. Hadi Omar Setiausaha Bahagian Sumber Air Saliran dan Hidrologi KATS, YBhg Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir Md. Noh, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia & Y.Bhg. Datin Ir. Rohani Ahmad Pengarah HTC KL.



PENGAUDITAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

25-27 MAC 2019



JURUAUDIT OLEH PIHAK MAMPU



PUAN ZUASMA BINTI YAHAYA

**KETUA PENOLONG
PENGARAH KANAN**



PUAN PREMALATHA DORAI RAJ

**KETUA PENOLONG
PENGARAH**



**CIK PHALENDRA AMY ANAK
PENGABANG**

PENOLONG PENGARAH

KOMPONEN PENILAIAN EKSA

KOMPONEN A -KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN

KOMPONEN B - RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT

KOMPONEN C - TEMPAT UMUM

KOMPONEN D - KESELAMATAN PERSEKITARAN

KOMPONEN E - KAWASAN PERSEKITARAN JABATAN

KOMPONEN F - KHUSUS

Pelancaran Duta Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku 2020 Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 (DMK) diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disokong serta dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. YAB Perdana Menteri Malaysia adalah penaung bagi Jawatankuasa Induk DMK. Manakala, Pengerusinya adalah YB. Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian.

Objektif DMK:

1. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca
2. Menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

YB. Menteri Pendidikan Malaysia telah merasmikan Majlis Pra-Pelancaran DMK pada 13 Disember 2018. Manakala, Majlis Pelancaran DMK akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sempena Hari Literasi Sedunia pada Bulan September 2019.

UNESCO telah menamakan Kuala Lumpur Sebagai Ibu Kota Buku (KLWBC) pada tahun 2020. Majlis Pengiktirafan telah disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 12 November 2018 bertempat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pengiktirafan ini diberikan kepada sesebuah bandar raya yang menunjukkan komitmen yang tinggi kepada penganjurkan aktiviti, promosi buku dan pembacaan.

Pelancaran Duta Dekad Membaca Kebangsaan 2020 dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran diadakan sebagai salah satu platform penyebaran maklumat mengenai pelaksanaan aspirasi ini ke semua peringkat di jabatan ini. Pelancaran ini juga diadakan bagi menyokong pelaksanaan kedua-dua aspirasi ini di jabatan ini.

Pelancaran ini diadakan semasa Mesyuarat Pembangunan Perpustakaan Bil.1/2019 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Azmi Bin Ismail, Pengarah Kanan JPS Malaysia. Taklimat ringkas mengenai DMK dan KLWBC telah disampaikan oleh Pn. Wardah Bt. Sina.

Sudut Integriti

POLISI TIADA HADIAH



Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia melaksanakan '**POLISI TIADA HADIAH**' pada setiap masa termasuk musim perayaan. Ucapan perayaan dan penghargaan adalah memadai sebagai tanda ingatan.

Sokongan anda dalam membantu kami didalam melaksanakan polisi ini amat dihargai.

** Pegawai awam tidak boleh menerima atau memberi hadiah dalam apa bentuk sekalipun seperti hamper, duit raya dan lain-lain yang ada hubungan dengan tugas rasminya (PP Bil.3/1998)*

Sebarang Pertanyaan lanjut sila hubungi :
UNIT INTEGRITI, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA. Telefon : 03-2615 1793 Email : uijps@water.gov.my

Sudut Hebahan





**Majlis Perasmian
PERSIDANGAN
PENGURUS KANAN
& JURUTERA DAERAH
JPS MALAYSIA
2019**

1 - 3 APRIL 2019 | Pusat Kecemertangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), JKR Malaysia

**HOLISTIC WATER MANAGEMENT:
NEW OPPORTUNITIES.
BRIDGING THE GAPS**

Dirasmikan oleh: **YB DR. XAVIER JAYAKUMAR**
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

JAYAKAN PERKHIDMATAN SEMPURNA



DEPARTMENT OF IRRIGATION AND DRAINAGE, MALAYSIA

JPS UPDATES